

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi menangani cabaran kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa yang telah terbeban sepanjang kelas diadakan secara dalam talian ekoran pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan emosi dalam kalangan mahasiswa, khususnya mereka yang terkesan ekoran pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dalam mendepani situasi ini, pelbagai inisiatif dan ikhtiar telah dilaksanakan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa terpelihara.

Antara usaha yang dilaksanakan adalah menyediakan **perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial**. Perkhidmatan ini dikendalikan hampir 150 orang kaunselor dan pakar psikologi di UA. Bagi memudahkan akses pelajar, perkhidmatan yang ditawarkan boleh dicapai melalui talian *hotline* dan secara atas talian. Selain itu, sesi perkhidmatan juga dilaksanakan secara fizikal bagi kemudahan pelajar yang berada di

dalam kampus. Sokongan psikososial pula dilaksanakan antaranya melalui kaedah e-kaunseling berkelompok, *online self screening* menggunakan *Depression Anxiety Stres Scale* (DASS), saringan kesihatan mental, *Psychological First Aid Care Kit* dan e-psikologi.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial, **program-program berbentuk kesedaran** juga turut dianjurkan oleh pihak IPT. Pada tahun 2021, hampir 560 program kaunseling serta pengurusan emosi telah dilaksanakan oleh UA dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam Malaysia (MAKUMA). Antara program-program tersebut seperti *Shout-Out For Mental Health* oleh USM, Program Perkongsian Tips Minda Sihat Bersama Pelajar oleh UM, dan *Forum Mental Health During Pandemic and Online Distance Learning (ODL)* oleh UMS. Pihak Politeknik dan Kolej Komuniti juga turut menganjurkan pelbagai program kesedaran dan program berbentuk kerohanian, serta sesi kaunseling secara berkelompok dan individu yang melibatkan 2,377 pelajar.

Pihak Kementerian juga, dengan kerjasama MAKUMA sedang di peringkat akhir menyiapkan **Modul Kesihatan Mental Pelajar IPT** bagi menangani isu-isu berkaitan tekanan, kemurungan dan kebimbangan pelajar. Modul ini akan digunakan sebagai garis panduan kepada pegawai di UA bagi mengurus kes kesihatan mental yang melibatkan mahasiswa di universiti dengan lebih komprehensif dan efisien.

Sekian, terima kasih.